

Beri peluang pelajar berniaga

► **Pendedahan menerusi Business and Information Technology (IT) Festival II**


48 23.4.2014 B2

LABUAN: 'Business and Information Technology (IT) Festival II' memberi peluang kepada mahasiswa Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) untuk mengenali bidang perniagaan dan keusahawanan.

Festival dua hari itu dirasmikan oleh Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli yang juga Pengerusi

“Pengenalan secara lebih dekat bidang perniagaan dan keusahawanan kepada pelajar amat sesuai dan bertepatan dengan program yang diambil oleh pelajar iaitu di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).”

DATUK ROZMAN ISLI
Ahli Parlimen Labuan



ROZMAN (tiga, kiri) melawat pameran sempena Festival Business and IT.



ROZMAN menandatangani kain rentang sebagai simbolik perasmian Festival Business and IT UMSKAL.

Perbadanan Labuan.

Turut hadir Pengarah Jabatan Pelancongan Perbadanan Labuan Mahathir Abd Hamid, Timbalan Pengarah UMSKAL Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal yang mewakili Prof Madya Dr Ismail Ali dan penyelaras program Ifteekhar Amin Chowdhury.

Seramai 450 peserta menyertai pelbagai pertandingan dan pameran yang diadakan di dewan utama universiti itu.

Dalam ucapannya,


Rozman memuji usaha pelajar UMSKAL yang bekerjasama dengan jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan sektor perniagaan untuk memastikan mereka mampu menceburi bidang itu selepas menamatkan pengajian kelak.

Katanya, pengenalan secara lebih dekat bidang perniagaan dan keusahawanan kepada pelajar amat sesuai dan bertepatan dengan program yang diambil oleh pelajar iaitu di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa

Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Beliau mahu pelajar mengadaptasikan ilmu yang dipelajari di bilik kuliah ketika menghadiri festival berkenaan termasuk menguasai komunikasi untuk mempromosi barang dan perkhidmatan yang ditawarkan.

“Program seperti ini wajar diteruskan bagi memastikan pelajar mendalami ilmu perniagaan dan keusahawanan yang



GEOFFREY (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Mahathir selepas majlis perasmian.

mereka pelajari di bilik kuliah,” katanya berucap pada majlis itu.

Festival itu turut mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Perbadanan

Labuan, Jabatan Penerangan Labuan, Labuan Liberty Port Management (LLPM) dan RTM Labuan.

Sementara itu, Geoffrey berkata pihak UMSKAL

sentiasa menggalakkan pelajar untuk menceburi bidang perniagaan dengan mewujudkan gerai untuk mereka menambah pendapatan dan mempelajari

sesuatu yang baharu.

Tambahnya, pelajar sendiri dengan bimbingan pensyarah menganjurkan pelbagai aktiviti termasuk festival itu untuk mempelajari cara-cara menganjurkan program dan berkomunikasi dengan pihak terbabit.

Katanya, melalui penganjuran program seperti itu, pelajar berusaha untuk mengenali lebih dekat jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan individu secara langsung dan tidak langsung bagi memastikan program itu berjalan lancar.

“Malah, daya kepimpinan pelajar dapat ditonjolkan bukan sahaja dalam bidang perniagaan tetapi juga berkomunikasi dengan pemimpin masyarakat dan peserta lain.

“Pihak universiti sentiasa memberi peluang dan galakan kepada pelajar untuk menganjurkan sesuatu program yang akhirnya memberi manfaat kepada mereka,” katanya.